

02 APR 2002

Keganasan-Kaddoumi/I

PALESTIN MINTA DR MAHATHIR HUBUNGI PRESIDEN BUSH

Oleh: Abdul Muin Majid

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Palestin hari ini meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menghubungi Presiden George W.Bush dan negara-negara Eropah dalam usaha menekan Israel mengundurkan tenteranya dari wilayah Palestin.

Menteri Luarnya Farouk Kaddoumi berkata perlu ada usaha kolektif untuk menghentikan kekejaman yang dilakukan oleh Israel di wilayah Palestin yang didudukinya.

"Kami memerlukan jasa baik Perdana Menteri (Malaysia) dalam usaha membantu rakyat Palestin beroleh keamanan dan menekan tentera Israel supaya berundur," katanya kepada Bernama selepas berbincang dengan Dr Mahathir di sini.

"Keadaan di Palestin sekarang sangat kritikal dan nyawa Presiden Yasser Arafat sedang terancam...tindakan segera diperlukan bagi mencegah keadaan daripada bertambah buruk," katanya.

Arafat sedang terperangkap dalam sebuah bangunan kompleks ibu pejabatnya di Ramallah, Tebing Barat yang dikepung tentera Israel sejak beberapa hari lepas.

Kaddoumi yang berada di sini bagi menghadiri Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan, berkata Amerika Syarikat mempunyai pengaruh ke atas Israel dan perlu berbuat sesuatu untuk menghidupkan semula proses damai di Asia Barat.

Kaddoumi berkata beliau telah menyampaikan pesanan Arafat kepada Dr Mahathir yang berterima kasih atas sokongan berterusan Perdana Menteri dan rakyat Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin.

"Kami menerangkan mengenai keganasan dan kekejaman berterusan yang dilakukan oleh Israel," katanya.

Kaddoumi berkata Dr Mahathir juga telah dimaklumkan mengenai inisiatif damai yang diluluskan pada Sidang Kemuncak Arab di Beirut baru-baru ini.

Pelan anjuran Arab Saudi itu mencadangkan pengunduran Israel dari semua wilayah Arab yang diduduki sejak Perang 1967 dan sebagai ganti, semua negara Liga Arab akan mengiktiraf Israel.

-- BERNAMA

MAM ZS AAM MOZ